

Bil. S 6

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TABUNG AMANAH PEKERJA (PINDAAN), 2010

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 7 dari Penggal 167.
 3. Pindaan bab 14.
 4. Pemasukan bab 31A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TABUNG AMANAH PEKERJA (PINDAAN), 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Tabung Amanah Pekerja (Pindaan), 2010.

Pindaan bab 7 dari Penggal 167.

2. Bab 7 dari Akta Tabung Amanah Pekerja, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda, dalam ceraihan {4}, dengan memansuhkan perenggan *(b)* dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

"*(b)* seseorang pekerja boleh membayar caruman melebihi dari kadar yang bersesuaian dengan —

- (i) memotong dari gaji bulanan pekerja itu oleh majikannya dengan memberikan notis bertulis kepada majikannya bagi maksud itu, dan jika dia berhasrat hendak menghentikan pemotongan caruman bulanan yang berlebihan itu dari gajinya dia hendaklah memberikan notis bertulis kepada majikannya bagi maksud itu; atau
- (ii) membayar terus kepada Tabung mengikut cara sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga; atau".

Pindaan bab 14.

3. Bab 14 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraihan {2}, dengan memansuhkan perenggan *(b)* dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

"*(b)* dividen pada kadar yang ditetapkan di bawah bab 6{4} pada selangan waktu sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga dan atas jumlah yang masih ada dalam kreditnya dalam Tabung pada masa sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.".

Pemasukan bab 31A baru.

4. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 31 —

"Prosiding sivil untuk mendapatkan kembali caruman.

31A. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain semua caruman yang kena dibayar di bawah Akta ini boleh, tanpa menjejaskan sebarang remedi lain, didapatkan kembali terus oleh Lembaga sebagai suatu hutang sivil.

(2) Prosiding untuk mendapatkan kembali terus itu boleh dimulakan oleh mana-mana orang yang diberikuasa bagi maksud itu oleh Lembaga dan orang itu boleh menjalankan prosiding tersebut.

(3) Dalam ceraian (1), "caruman" termasuk sebarang dividen, bayaran perkhidmatan dan penalti atas sebarang caruman yang dikenakan oleh Lembaga di bawah Akta ini atau sebarang undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya."

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 5 haribulan Januari, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM